

ISU-ISU FIQH PERBURUAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM ORANG ASLI: SATU ANALISIS TEMATIK

FIQH ISSUES OF HUNTING AMONG THE MUSLIM ORANG ASLI COMMUNITY: A THEMATIC ANALYSIS

Paiz Hassan^{1*}

Abd Nasir Musa²

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin³

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (Email: abdna208@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia, (E-mail: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my)

*Corresponding author: paiz4186@uitm.edu.my

Article history

Received date : 2-6-2026

Revised date : 3-6-2026

Accepted date : 30-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Hassan, P., Musa, A. N., & Muhamad Sharifuddin, N. (2026). Isu-isu fiqh perburuan dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli: Satu analisis tematik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 841 – 852.

Abstrak: Perburuan merupakan antara aktiviti tradisional yang masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat Orang Asli di Malaysia sebagai sumber makanan dan kelangsungan hidup. Walau bagaimanapun, pengislaman masyarakat Orang Asli telah mewujudkan beberapa persoalan hukum yang memerlukan penelitian berdasarkan prinsip-prinsip syariah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu-isu fiqh perburuan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli berdasarkan pengalaman dan pemerhatian penggerak masyarakat Orang Asli serta mubaligh yang terlibat secara langsung dalam aktiviti dakwah. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian mengenal pasti lima isu utama fiqh perburuan iaitu pemburu tidak membaca basmalah ketika melepaskan alat perburuan, penglibatan pemburu bukan Islam dan perkongsian hasil buruan, haiwan buruan yang masih hidup tetapi tidak disembelih, anjing buruan yang memakan sebahagian hasil tangkapan serta status gigitan dan air liur anjing buruan. Kajian mendapati bahawa isu-isu tersebut berpunca daripada pengaruh amalan tradisi, keterbatasan pengetahuan agama dan realiti kehidupan masyarakat Orang Asli yang masih bergantung kepada sumber hutan sebagai sumber makanan. Dapatan kajian menunjukkan keperluan kepada bimbingan hukum yang lebih sistematik dan bersesuaian dengan konteks kehidupan masyarakat Islam Orang Asli. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperkukuhkan pendidikan fiqh dan dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

Kata Kunci: *Fiqh perburuan, Orang Asli, analisis tematik, hukum Islam, masyarakat Islam Orang Asli*

Abstract: *Hunting remains one of the traditional activities practised by a segment of the Orang Asli community in Malaysia as a means of obtaining food and sustaining their livelihood. However, the Islamisation of the Orang Asli community has given rise to several legal issues that require examination from the perspective of Islamic law. This study aims to identify fiqh-related hunting issues among the Muslim Orang Asli community based on the experiences and observations of Orang Asli community officers and Islamic missionaries directly involved in da'wah activities. The study adopts a qualitative approach using a case study design. Data were collected through semi-structured interviews and analysed using thematic analysis. The findings reveal five major fiqh issues related to hunting: hunters failing to recite the basmalah when releasing hunting tools, the involvement of non-Muslim hunters and the sharing of hunted game, hunted animals that remain alive but are not slaughtered, hunting dogs consuming part of the catch, and the legal status of bites and saliva from hunting dogs. The study found that these issues stem from the influence of traditional practices, limited religious knowledge, and the realities of Orang Asli life, which still depends on forest resources as a source of food. The findings highlight the need for more systematic religious guidance that is suited to the socio-cultural context of the Muslim Orang Asli community. It is hoped that this study will contribute to strengthening fiqh education and da'wah efforts among the Orang Asli community in Malaysia.*

Keywords: *Hunting fiqh, Orang Asli, thematic analysis, Islamic law, Muslim Orang Asli community*

Pengenalan

Islam merupakan agama yang memberikan panduan menyeluruh terhadap setiap aspek kehidupan manusia termasuk urusan mendapatkan makanan. Salah satu kaedah memperoleh makanan yang diiktiraf oleh syarak ialah melalui aktiviti perburuan. Al-Quran dan al-Sunnah telah menjelaskan beberapa prinsip penting berkaitan perburuan seperti syarat pemburu, alat perburuan, haiwan buruan dan kaedah memperoleh hasil buruan yang halal (Al-Nawawi, t.t.). Oleh itu, aktiviti perburuan tidak hanya dilihat sebagai suatu aktiviti ekonomi atau sosial semata-mata bahkan turut mempunyai implikasi hukum yang perlu dipatuhi oleh umat Islam.

Dalam konteks Malaysia, masyarakat Orang Asli merupakan komuniti peribumi yang mempunyai hubungan yang rapat dengan alam semula jadi dan hutan. Sejak dahulu lagi, aktiviti perburuan menjadi sebahagian daripada cara hidup mereka bagi mendapatkan sumber makanan dan memenuhi keperluan harian (Rohayu et al., 2017). Pelbagai kaedah tradisional digunakan dalam aktiviti tersebut seperti sumpitan, jerat, panah dan penggunaan anjing buruan (Zambri, 2019). Kemahiran utama masyarakat orang asli dalam perburuan ialah dengan menggunakan sumpit yang dibuat daripada buluh. Mata damak di bahagian hujung akan ditajamkan dan diletakkan racun bagi membunuh binatang buruan (Nordiana et al., 2025). Asas kemahiran menyumpit dipelajari sejak dari usia yang kecil. Mereka dilatih menyumpit dengan cara mengikat perut dengan menggunakan rotan. Kemudiannya mereka akan diminta untuk meniup sumpit tersebut bagi mengeluarkan mata damak. Ini bagi menguji kekuatan hembusan tiupan pada sumpit tersebut. Sekiranya rotan yang mengikat perut mereka itu putus, kanak-kanak tersebut dianggap layak untuk keluar berburu bersama dengan lelaki dewasa (Er Ah Choy et al., 2010). Walaupun proses pembangunan dan pemodenan telah mengubah sebahagian corak

kehidupan masyarakat Orang Asli, aktiviti perburuan masih diamalkan oleh sebahagian komuniti khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman.

Di samping itu, masyarakat Orang Asli menggunakan pelbagai jenis jerat tradisional seperti jerat sembat, jerat serkap, jerat pemukul, jerat tikus dan jerat libas yang diperbuat daripada bahan semula jadi seperti kayu, buluh dan rotan. Penggunaan jerat ini mencerminkan kearifan tempatan dalam memanfaatkan sumber hutan serta menyesuaikan kaedah perburuan dengan alam sekitar. Namun, arus pemodenan telah menyebabkan pengetahuan mengenai pembuatan dan penggunaan jerat tradisional semakin berkurangan dalam kalangan generasi muda Orang Asli (Muhammad Haziq & Mohd Yuszaidy, 2020).

Selain itu, penggunaan anjing juga merupakan salah satu kaedah perburuan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli selain penggunaan jerat. Anjing yang telah dilatih berfungsi untuk mengesan jejak haiwan buruan, mengejar, membunuh haiwan tertentu atau mengambil semula haiwan yang telah terkena sumpitan (Paiz, 2023). Penggunaan anjing menjadikan aktiviti perburuan lebih berkesan, khususnya bagi haiwan yang melarikan diri selepas terkena damak sumpit atau bergerak di kawasan hutan yang tebal. Kemahiran melatih anjing untuk tujuan perburuan diwarisi secara turun-temurun dan menjadi sebahagian daripada pengetahuan tradisional masyarakat Orang Asli.

Perkembangan dakwah Islam dalam kalangan masyarakat Orang Asli telah menyaksikan peningkatan bilangan mereka yang memeluk agama Islam (Jamilah & Engku Ahmad Zaki, 2014). Namun begitu, proses penghayatan Islam dalam kalangan komuniti ini masih berdepan dengan pelbagai cabaran. Faktor geografi, tahap pendidikan, pengaruh adat serta keterbatasan akses kepada pendidikan agama menyebabkan sebahagian amalan tradisional masih diteruskan tanpa penyesuaian yang sepenuhnya dengan tuntutan syariat (Asmadi & Ramlan, 2020). Keadaan ini turut memberi implikasi terhadap aktiviti perburuan yang telah lama menjadi sebahagian daripada budaya dan sumber sara hidup masyarakat Orang Asli. Sebagai umat Islam, amalan perburuan perlu dilaksanakan mengikut ketetapan syarak yang merangkumi syarat pemburu, penggunaan alat dan haiwan buruan, kaedah memperoleh hasil buruan serta status kehalalan haiwan yang diburu. Oleh itu, amalan perburuan tradisional memerlukan penyesuaian dengan prinsip-prinsip *fiqh* bagi memastikan ia selaras dengan kehendak syariat tanpa menjejaskan kelangsungan budaya masyarakat Orang Asli.

Walau bagaimanapun, kajian yang meneliti pelaksanaan hukum *fiqh* perburuan berdasarkan realiti amalan masyarakat Islam Orang Asli masih terhad, sedangkan komuniti ini mempunyai latar budaya, cara hidup dan kaedah perburuan yang tersendiri. Kekurangan kajian ini mewujudkan keperluan untuk memahami bagaimana prinsip-prinsip *fiqh* diaplikasikan dalam konteks amalan perburuan masyarakat Islam Orang Asli. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis isu-isu *fiqh* perburuan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli berdasarkan realiti amalan mereka. Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada penyediaan panduan hukum yang lebih sesuai dengan konteks kehidupan masyarakat Orang Asli serta memperkukuh usaha dakwah dan bimbingan *fiqh* kepada komuniti tersebut.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi meneroka isu-isu *fiqh* perburuan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli. Pendekatan kualitatif dipilih kerana membolehkan pengkaji memahami secara mendalam pengalaman,

amalan dan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti dalam konteks kehidupan sebenar mereka (Merriam & Tisdell, 2016; Yin, 2018). Data kajian diperoleh melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan beberapa orang Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) dan mubaligh yang mempunyai pengalaman dalam membimbing masyarakat Islam Orang Asli. Kaedah temu bual separa berstruktur dipilih kerana memberikan fleksibiliti kepada pengkaji untuk meneroka pengalaman dan pandangan informan secara lebih mendalam (Kallio et al., 2016). Pemilihan informan dilakukan secara persampelan bertujuan berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka dalam aktiviti dakwah serta pengurusan hal ehwal masyarakat Orang Asli (Patton, 2015).

Data temu bual ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses analisis melibatkan pengkodan data, pengelompokan kod kepada kategori dan seterusnya pembentukan tema utama yang menggambarkan isu-isu *fiqh* perburuan dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli. Analisis tematik dipilih kerana sesuai untuk mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir pola makna yang terdapat dalam data kualitatif secara sistematik (Braun & Clarke, 2006; Braun & Clarke, 2021). Bagi meningkatkan kredibiliti dapatan, data temu bual turut disokong melalui analisis dokumen yang melibatkan sumber berkaitan masyarakat Orang Asli (Creswell & Poth, 2018). Hasil analisis kemudiannya dihuraikan secara deskriptif berdasarkan tema-tema yang dikenal pasti bagi memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai isu-isu *fiqh* perburuan dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli.

Dapatan Kajian

Analisis data temu bual menggunakan kaedah analisis tematik telah menghasilkan lima tema utama yang menggambarkan isu-isu *fiqh* perburuan dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli. Tema-tema yang dikenal pasti menunjukkan bahawa aktiviti perburuan masih menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat Orang Asli, khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dan masih bergantung kepada sumber hutan sebagai sumber makanan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu-isu yang timbul bukan sahaja berkait dengan aspek teknikal perburuan, bahkan melibatkan persoalan yang lebih mendasar seperti status pemburu, syarat-syarat perburuan, kaedah memperoleh haiwan buruan yang halal serta penggunaan anjing dalam aktiviti perburuan. Situasi ini memperlihatkan wujudnya jurang antara amalan tradisi yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Orang Asli dengan tuntutan hukum Islam yang perlu dipatuhi oleh seorang Muslim. Dalam masa yang sama, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa sebahagian besar isu yang berlaku bukan berpunca daripada sikap mengabaikan syariat, sebaliknya disebabkan oleh keterbatasan pengetahuan agama, pengaruh budaya setempat dan faktor persekitaran yang membentuk cara hidup masyarakat tersebut.

Justeru, analisis terhadap tema-tema yang dikenal pasti memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai cabaran pelaksanaan hukum Islam dalam konteks masyarakat Islam Orang Asli. Dapatan ini juga menunjukkan keperluan kepada pendekatan *fiqh* yang mengambil kira realiti kehidupan masyarakat setempat (*fiqh al-waqi'*) serta menekankan aspek kemudahan (*taysir*) dan pengangkatan kesukaran (*raf' al-haraj*) dalam usaha memberikan bimbingan hukum yang lebih praktikal dan berkesan. Berdasarkan analisis tersebut, lima tema utama yang dikenal pasti akan dihuraikan secara terperinci dalam bahagian berikut.

Pertama: Tidak Membaca *Basmalah* Ketika Melepaskan Alat Perburuan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebahagian pemburu dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli yang tidak membaca *basmalah* ketika melepaskan alat perburuan seperti

sumpitan, jerat atau ketika melepaskan anjing buruan. Perkara ini dikenal pasti melalui temu bual bersama beberapa orang penggerak masyarakat Orang Asli dan mubaligh yang terlibat secara langsung dalam usaha dakwah kepada komuniti tersebut. Menurut seorang informan:

“Ada jugak yang tidak baca basmalah. Kita ajar jugalah bila mana dia dapat...” (PK3)

Seorang lagi informan turut menjelaskan perkara yang sama:

“Ada juga yang buru, depa tak baca bismillah...” (PK5)

Berdasarkan petikan tersebut, dapat difahami bahawa isu tidak membaca *basmalah* semasa berburu masih berlaku dalam kalangan sebahagian masyarakat Islam Orang Asli. Walaupun mereka telah memeluk agama Islam, proses penyesuaian terhadap tuntutan syariat masih memerlukan masa dan bimbingan yang berterusan. Keadaan ini berlaku disebabkan beberapa faktor seperti tahap kefahaman agama yang masih rendah, pengaruh amalan tradisi yang telah lama diamalkan sebelum memeluk Islam, serta kebiasaan berburu yang dilakukan secara spontan tanpa memberi perhatian kepada aspek hukum yang berkaitan.

Selain itu, aktiviti perburuan dalam kalangan masyarakat Orang Asli lazimnya dilakukan sejak usia muda dan diwarisi daripada generasi terdahulu (Johari & Nazri, 2007). Mereka lebih menumpukan kepada kemahiran menjejak, menyumpit dan menangkap haiwan berbanding aspek hukum yang berkaitan dengan proses perburuan. Apabila seseorang memeluk Islam, tidak semua tuntutan syariat dapat dipelajari dan diamalkan secara serta-merta. Oleh itu, terdapat dalam kalangan mereka yang masih meneruskan kaedah perburuan tradisional tanpa menyedari kepentingan membaca basmalah ketika melepaskan alat buruan.

Dari sudut *fiqh*, isu ini mempunyai implikasi yang besar kerana para fuqaha berbeza pandangan mengenai hukum haiwan buruan yang diperoleh tanpa membaca basmalah ketika melepaskan alat buruan. Sebahagian ulama berpandangan bahawa meninggalkan basmalah secara sengaja menyebabkan haiwan tersebut tidak halal dimakan, manakala sebahagian yang lain berpandangan bahawa haiwan tersebut masih halal sama ada ditinggalkan secara sengaja atau terlupa (Al-Bahuti, t.t.; Ibn Qudamah, 1994; Ibn Abidin, 1992; Ibn Uthaymin, 2002; Al-Mawardi, 1999). Perbezaan pandangan ini menunjukkan bahawa isu tersebut bukan sekadar berkaitan amalan ritual semata-mata, tetapi turut memberi kesan kepada status kehalalan makanan yang menjadi sumber kehidupan masyarakat Orang Asli.

Kedua: Pemburu Bukan Islam dan Perkongsian Hasil Buruan

Analisis temu bual mendapati bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai budaya hidup yang sangat menekankan nilai kebersamaan, tolong-menolong dan perkongsian sumber makanan dalam komuniti mereka (Mohd Firdaus & Mohd Fahmi, 2022). Hasil buruan yang diperoleh di hutan lazimnya tidak hanya dimanfaatkan oleh pemburu dan keluarganya sahaja, bahkan turut dikongsi dengan ahli keluarga lain, jiran-jiran dan penduduk kampung. Amalan ini telah menjadi sebahagian daripada budaya hidup masyarakat Orang Asli sejak sekian lama dan dianggap sebagai satu bentuk tanggungjawab sosial dalam komuniti mereka (Muhammad Wafi, 2020). Seorang informan menjelaskan:

“Orang asli ni suka kongsi makanan, apa yang demo dapat kat hutan, dia akan bagi sama-sama...” (PK3)

“Orang Asli memang biasa berkongsi hasil buruan. Kalau seorang dapat, dia akan bahagi dengan jiran dan keluarga. Kadang-kadang orang Islam pun ambil sebab tak tahu siapa yang sebenarnya bunuh haiwan tu” (PK2)

“Mereka berburu secara berkumpulan. Dalam satu kumpulan itu ada yang Islam, ada yang bukan Islam. Bila balik, hasil buruan dikumpulkan kemudian dibahagi sama rata. Mereka tidak membezakan siapa yang melepaskan sumpit atau siapa yang dapat dahulu” (PK5)

“Bagi masyarakat Orang Asli, yang penting semangat tolong-menolong. Kalau ada orang dapat hasil buruan, semua akan merasa” (PK1)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa hasil buruan bukan sekadar sumber makanan individu, malah berfungsi sebagai medium untuk mengukuhkan hubungan sosial dalam masyarakat Orang Asli. Sifat suka berkongsi ini lahir daripada kehidupan komuniti yang saling bergantung antara satu sama lain, khususnya dalam persekitaran pedalaman yang mempunyai akses terhadap kepada sumber makanan dan kemudahan asas. Oleh sebab itu, sesuatu hasil buruan yang diperoleh biasanya akan diagihkan kepada anggota komuniti tanpa mengambil kira latar belakang agama atau status pemburu.

Walau bagaimanapun, amalan perkongsian ini menimbulkan beberapa persoalan *fiqh* apabila melibatkan masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada informan, terdapat situasi di mana haiwan buruan diperoleh oleh individu bukan Islam dan kemudiannya diberikan kepada masyarakat Islam untuk dimakan. Keadaan ini berlaku kerana dalam sesebuah kampung Orang Asli, masyarakat Islam dan bukan Islam lazimnya tinggal bersama serta mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat. Bahkan terdapat dalam satu keluarga yang sama ahli-ahlinya terdiri daripada individu yang berbeza agama. Oleh itu, perkongsian makanan berlaku secara semula jadi tanpa mengambil kira aspek agama pemburu.

Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam Orang Asli sering berhadapan dengan dilema dalam menentukan status kehalalan hasil buruan yang diterima daripada ahli keluarga atau jiran yang bukan Islam. Dalam kebanyakan keadaan, mereka menerima makanan tersebut atas dasar hubungan kekeluargaan dan adat kebiasaan yang telah diamalkan sejak turun-temurun. Namun begitu, sebahagian daripada mereka kurang memahami syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak berkaitan status pemburu dan kaedah memperoleh haiwan buruan yang halal.

Keadaan ini menjadi lebih kompleks apabila aktiviti perburuan dilakukan secara berkumpulan yang melibatkan pemburu Islam dan bukan Islam secara serentak. Dalam situasi sedemikian, masyarakat Orang Asli lazimnya tidak memberi perhatian kepada siapa yang sebenarnya berjaya membunuh haiwan tersebut atau alat siapa yang mengenai sasaran terlebih dahulu. Apa yang lebih diutamakan ialah hasil buruan dapat diperoleh dan dikongsi bersama anggota komuniti. Dari sudut adat, amalan tersebut dianggap sesuatu yang biasa, namun daripada perspektif *fiqh*, ia menimbulkan persoalan berkaitan keahlian pemburu (*ahliyah al-sayd*) yang menjadi salah satu syarat penting dalam menentukan kehalalan haiwan buruan (Salih, 1988). Dapatan ini menunjukkan bahawa keperluan kepada bimbingan hukum yang sesuai amat penting bagi membantu masyarakat Islam Orang Asli memahami syarat-syarat perburuan yang ditetapkan oleh syarak tanpa menjejaskan hubungan kekeluargaan dan keharmonian komuniti

yang telah lama terbina. Justeru, isu ini memerlukan pendekatan *fiqh* yang mengambil kira realiti kehidupan masyarakat Orang Asli serta keseimbangan antara pemeliharaan hukum syarak dan kelangsungan hubungan sosial dalam komuniti mereka.

Ketiga: Haiwan Buruan yang Masih Hidup Tidak Disembelih

Analisis temu bual mendapati bahawa terdapat dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli yang tidak melakukan penyembelihan terhadap haiwan buruan yang masih hidup selepas terkena alat perburuan seperti sumpitan, jerat atau anjing buruan. Sebaliknya, haiwan tersebut dibiarkan sehingga mati tanpa melalui proses penyembelihan yang ditetapkan oleh syarak. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian pemburu beranggapan bahawa haiwan yang telah berjaya ditangkap atau cedera parah akan mati dengan sendirinya, justeru tidak perlu disembelih lagi. Seorang informan menjelaskan:

“Biasanya bila kena sumpit, binatang tu dah lemah sangat. Ingat tak payah sembelih sebab memang dah nak mati” (PK2)

“Binatang tu masih bergerak lagi. Ada yang terus ikat dan bawa balik” (PK5)

“Mereka anggap kalau binatang itu dah cedera teruk, tak perlu sembelih lagi. Kefahaman tentang hukum sembelihan memang masih kurang.” (PK1)

“Kalau ada yang setengah tu ada yang tak sembelih. Dia kata sayanglah...” (PK3)

Petikan di atas menunjukkan sebahagian masyarakat Orang Asli masih melihat aktiviti perburuan daripada perspektif tradisional yang diwarisi sejak turun-temurun. Dalam budaya perburuan mereka, kejayaan menumpaskan atau melemahkan haiwan buruan dianggap sudah memadai untuk membolehkan haiwan tersebut dimakan. Oleh itu, aspek penyembelihan tidak sentiasa diberikan perhatian, khususnya apabila haiwan tersebut didapati dalam keadaan cedera parah atau hampir mati. Situasi ini menunjukkan wujudnya perbezaan antara amalan tradisi perburuan masyarakat Orang Asli dengan tuntutan hukum Islam yang mensyaratkan penyembelihan dalam keadaan tertentu.

Dapatan ini turut menunjukkan bahawa sebahagian pemburu kurang memahami perbezaan antara haiwan yang masih berada dalam keadaan *hayat mustaqirrah* dan haiwan yang telah berada dalam keadaan *hayat madhbuhah*. Kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang jelas untuk menentukan sama ada haiwan yang ditemui masih mempunyai peluang hidup yang stabil atau sudah berada dalam keadaan hampir mati. Akibatnya, mereka mengambil pendekatan membiarkan sahaja haiwan tersebut sehingga mati tanpa melakukan sebarang tindakan lanjut.

Dari sudut analisis, dapatan ini menunjukkan bahawa isu yang berlaku bukan sekadar berkaitan teknik perburuan, tetapi melibatkan aspek kefahaman hukum yang berkait secara langsung dengan status kehalalan makanan. Kekurangan pengetahuan mengenai syarat-syarat penyembelihan menyebabkan sebahagian masyarakat Islam Orang Asli tidak dapat membezakan keadaan haiwan yang wajib disembelih dengan haiwan yang tidak lagi memerlukan sembelihan. Perkara ini berpotensi menimbulkan keraguan terhadap status haiwan buruan yang dimakan serta memberi kesan kepada penghayatan hukum halal dalam kehidupan mereka.

Keempat: Anjing Buruan Memakan Sebahagian Hasil Tangkapan

Analisis temu bual mendapati bahawa penggunaan anjing sebagai haiwan pemburu merupakan antara kaedah perburuan yang masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat Orang Asli. Anjing digunakan kerana kemampuannya mengesan jejak haiwan, mengejar mangsa serta membantu menangkap haiwan yang sukar diperoleh menggunakan sumpitan atau jerat. Dalam kebanyakan keadaan, anjing tersebut dilatih sejak kecil dan berfungsi sebagai rakan pemburu yang penting dalam meningkatkan keberkesanan aktiviti perburuan. Penggunaan anjing sebagai pembantu memburu merupakan sebahagian daripada pengetahuan tradisional masyarakat Orang Asli yang diwarisi secara turun-temurun (Nicholas, 2000).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat situasi di mana anjing buruan memakan sebahagian daripada haiwan tangkapan sebelum pemburu tiba di lokasi haiwan tersebut ditemui. Perkara ini dijelaskan oleh seorang informan:

“Kalau anjing orang asli ni, lepas dia jumpa, dia makan dululah...” (PK2)

“Anjing tu dah biasa berburu. Kalau dia dapat dulu, dia makan sikit. Itu perkara biasa sebab anjing yang tolong tangkap” (PK1)

“Kalau anjing makan sikit, mereka tetap ambil juga. Bahagian yang kena makan tu dibuang, yang lain masih dimasak macam biasa” (PK4)

Petikan ini menunjukkan bahawa tindakan anjing memakan sebahagian daripada hasil tangkapan merupakan suatu keadaan yang berlaku dalam amalan perburuan masyarakat Orang Asli. Kebiasaannya, anjing yang berjaya menangkap atau menemui haiwan buruan akan menggigit, mencederakan atau memakan sebahagian daripada anggota haiwan tersebut sebelum pemburu sampai untuk mengambilnya. Keadaan ini berlaku terutamanya apabila lokasi buruan berada jauh di dalam hutan atau pemburu mengambil masa yang agak lama untuk menjejaki kedudukan anjing dan haiwan tangkapan tersebut.

Dapatan ini memperlihatkan bahawa masyarakat Orang Asli secara umumnya tidak menganggap perkara tersebut sebagai satu masalah yang besar kerana ia telah menjadi sebahagian daripada pengalaman berburu yang mereka lalui sejak turun-temurun. Dalam pemahaman mereka, anjing berfungsi sebagai pembantu untuk mendapatkan makanan dan tindakan anjing memakan sedikit daripada hasil tangkapan tidak semestinya menyebabkan keseluruhan haiwan tersebut tidak boleh dimakan. Oleh itu, haiwan yang telah dimakan sebahagiannya oleh anjing lazimnya tetap dibawa pulang dan dimakan oleh keluarga.

Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa kebanyakan pemburu tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai perbahasan *fiqh* berkaitan status haiwan yang telah dimakan oleh anjing buruan. Mereka lebih menilai sesuatu hasil tangkapan berdasarkan kemampuan untuk dimakan dan dijadikan sumber makanan keluarga. Keadaan ini menyebabkan persoalan hukum berkaitan status kehalalan haiwan tersebut jarang diberi perhatian secara khusus dalam amalan perburuan harian mereka. Dari sudut analisis, isu ini menunjukkan berlakunya pertembungan antara amalan tradisional masyarakat Orang Asli dengan perbahasan hukum yang dibincangkan oleh para fuqaha. Dalam konteks masyarakat Orang Asli, haiwan buruan merupakan sumber makanan yang bernilai dan sukar diperolehi. Oleh itu, terdapat kecenderungan untuk memanfaatkan hasil tangkapan tersebut walaupun telah dimakan sebahagiannya oleh anjing. Keadaan ini menjadikan isu tersebut sangat signifikan

kerana ia berlaku secara berulang dan melibatkan keperluan asas masyarakat untuk mendapatkan makanan.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual menunjukkan bahawa isu anjing buruan memakan sebahagian hasil tangkapan merupakan realiti yang sering berlaku dalam aktiviti perburuan masyarakat Orang Asli. Isu ini berpunca daripada kaedah perburuan tradisional yang bergantung kepada anjing serta keperluan masyarakat untuk memanfaatkan sumber makanan yang semakin terhad. Oleh itu, permasalahan ini memerlukan penelitian hukum yang mendalam agar penyelesaian yang dicadangkan dapat mengambil kira realiti kehidupan masyarakat Orang Asli tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syariah yang berkaitan dengan perburuan dan pemakanan halal.

Kelima: Status Gigitan dan Air Liur Anjing Buruan

Analisis temu bual mendapati bahawa satu lagi isu *fiqh* yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli ialah berkaitan status gigitan dan air liur anjing buruan yang mengenai haiwan tangkapan. Penggunaan anjing sebagai haiwan pemburu menyebabkan haiwan yang berjaya ditangkap lazimnya akan digigit, dicakar atau dipegang dengan mulut anjing sebelum diambil oleh pemburu. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pemburu Orang Asli tidak melakukan sebarang proses penyucian (sertu) terhadap bahagian haiwan yang terkena gigitan atau air liur anjing sebelum haiwan tersebut diproses untuk dimakan. Seorang informan menjelaskan:

“Lagi satu haiwan yang orang asli dapat, dia tak sertu dah tempat yang...”
(PK5)

“Mereka tak tahu pun bahagian yang kena air liur anjing tu ada hukum. Bila anjing bawa balik, terus potong dan masak saja” (PK2)

“Kalau anjing gigit, mereka cuma potong bahagian yang koyak atau rosak tu saja. Lepas tu yang lain terus dimasak, tak ada basuh cara sertu” (PK1)

Petikan tersebut menunjukkan bahawa amalan menyucikan bahagian yang terkena gigitan atau air liur anjing bukanlah sesuatu yang lazim dilakukan oleh masyarakat Orang Asli. Dalam kebanyakan keadaan, haiwan yang berjaya ditangkap akan terus dilapah, dibersihkan dan dimasak tanpa mengambil kira bahagian yang terkena gigitan anjing. Dapatan ini juga memperlihatkan bahawa sebahagian masyarakat Islam Orang Asli masih kurang memahami hukum-hakam *fiqh* yang berkaitan dengan najis *mughallazah* dan kaedah penyuciannya. Walaupun mereka mengetahui bahawa anjing digunakan dalam aktiviti perburuan, kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai status bahagian haiwan yang terkena air liur atau gigitan anjing menurut perspektif hukum Islam. Akibatnya, mereka meneruskan amalan yang diwarisi sejak turun-temurun tanpa melakukan sebarang perubahan selepas memeluk Islam.

Secara keseluruhannya, dapatan temu bual menunjukkan bahawa amalan tidak menyucikan bahagian haiwan yang terkena gigitan atau air liur anjing berpunca daripada pengaruh budaya perburuan tradisional, keterbatasan pengetahuan agama dan realiti kehidupan masyarakat Orang Asli yang bergantung kepada anjing sebagai pembantu utama dalam aktiviti perburuan. Justeru, isu ini memerlukan penelitian *fiqh* yang mengambil kira keadaan sebenar masyarakat Orang Asli agar panduan hukum yang diberikan dapat dilaksanakan secara praktikal, mudah

difahami dan selaras dengan tujuan syariah dalam menjaga agama serta keperluan hidup masyarakat.

Jadual 1: Dapatan Analisis Transkrip Temu Bual

Isu <i>Fiqh</i>	
Perburuan: Pemburu, alatan, status hayat & gigitan	
1. Tidak membaca <i>basmallah</i> sama ada secara sengaja atau terlupa	2. Pemburu terdiri daripada bukan Islam sama ada dalam kumpulan berburu atau sebaliknya dan mengagihkan daging haiwan buruan kepada orang asli yang muslim
3. Haiwan yang telah disumpit atau diperolehi oleh anjing buruan didapati masih hidup sama ada <i>hayat mustaqirrah</i> atau <i>madhbuhah</i> yang kemudiannya dibiarkan sehingga mati.	4. Anjing buruan memakan haiwan buruan sama ada sedikit atau banyak
5. Status kenajisan gigitan dan air liur anjing buruan ketika ia membenamkan taringnya ke tubuh haiwan buruan atau ketika menggonggong haiwan buruan	

Kesimpulan

Kajian ini berjaya mengenal pasti lima isu utama *fiqh* perburuan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli, iaitu tidak membaca *basmalah* ketika melepaskan alat perburuan, pemburu bukan Islam dan perkongsian hasil buruan, haiwan buruan yang masih hidup tidak disembelih, anjing buruan memakan sebahagian hasil tangkapan, serta status gigitan dan air liur anjing buruan. Dapatan menunjukkan bahawa isu-isu tersebut tidak berpunca daripada sikap mengabaikan syariat, sebaliknya dipengaruhi oleh amalan perburuan tradisional yang diwarisi sejak turun-temurun, keterbatasan pengetahuan agama serta realiti kehidupan masyarakat Orang Asli yang masih bergantung kepada sumber hutan sebagai sumber makanan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa proses penghayatan Islam dalam komuniti tersebut masih memerlukan bimbingan yang berterusan khususnya dalam aspek *fiqh* yang berkait secara langsung dengan amalan harian mereka.

Dari sudut *fiqh*, dapatan kajian membuktikan bahawa pelaksanaan hukum perburuan dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli tidak boleh dinilai secara terpisah daripada konteks sosiobudaya dan persekitaran kehidupan mereka. Oleh itu, pendekatan *fiqh* yang mengambil kira realiti setempat (*fiqh al-waqi'*), kemudahan (*taysir*) serta pengangkatan kesukaran (*raf' al-haraj*) perlu diberikan penekanan dalam usaha membimbing komuniti ini. Pendekatan sedemikian membolehkan penyampaian hukum dilaksanakan secara lebih berhikmah, praktikal dan beransur-ansur tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syariah, di samping membantu masyarakat Islam Orang Asli menyesuaikan amalan tradisional mereka dengan tuntutan agama secara lebih berkesan.

Rujukan

- Zambri Unyah. (2019, September 2019). *Sosiobudaya masyarakat Orang Asli* [Makalah pembentangan]. Program Bicara Kurator Bil. 3/2019, Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Al-Nawawi, A. Z. M. al-D. Y. ibn Sharaf. (n.d.). *Al-Majmu' sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Maktabah al-Irshad.
- Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Anizam Mohamed Yusof, Marina Ibrahim Mukhtar, & Nurfirdawati Muhamad Hanafi. (2017). Kemahiran keusahawanan Orang Asli suku kaum Orang Kuala di Rengit Johor dalam perniagaan barangan terpakai. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 3(6), 92–100.
- Er Ah Choy, Zalina Che Mat Ariffin, & Joy Jacqueline Pereira. (2010). Sosioekonomi masyarakat Orang Asli: Kajian kes di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5, 295–314.
- Nordiana Mosum, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2025). Kepercayaan masyarakat Orang Asli dalam adat memburu haiwan. *Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu*, 3, 129–135.
- Muhammad Haziq Mohd Rohir & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2020). Pemuliharaan jerat sembat Orang Asli suku Temuan di Kampung Gapam, Jasin, Melaka. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember 2020*, 663–679.
- Jamilah Mohd Zain, & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2014). Aktiviti dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan cabarannya. Dalam *Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke-15: Pengurusan Dakwah Kontemporari* (hlm. 130–140). Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmadi Abdul Rahman, & Ramlan Mustapha. (2020). Cabaran pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat*, 42(Isu Khas), 59–67.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE.
- Kallio, H., Pietilä, A.-M., Johnson, M., & Kangasniemi, M. (2016). Systematic methodological review: Developing a framework for a qualitative semi-structured interview guide. *Journal of Advanced Nursing*, 72(12), 2954–2965.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE.
- Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE.
- Johari Talib, & Nazri Muslim. (2007). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal di sekolah? *Jurnal Pengajian Umum*, 8, 51–75.
- Al-Buhuti, M.Y.I. (t.t.). *Al-Rawd al-murbi' sharh Zad al-Mustaqni' fi ikhtisar al-Muqni'*. Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, A. M. A. A. (1994). *Al-Kafi fi fiqh al-Imam Ahmad ibn Hanbal*. Hajr li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Ibn Abidin, M. A. (1992). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Dar al-Fikr.
- Ibn Uthaymin, M. S. (2002). *Al-Sharh al-Mumti' 'ala Zad al-Mustaqni'*. Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Mawardi, A. A. M. M. (1999). *Al-Hawi al-Kabir fi fiqh madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Mohd Firdaus Che Yaacob, & Mohd Fahmi Ismail. (2022). *Kerangka nilai budaya dalam cerita lisan Orang Asli Temiar, Gua Musang, Kelantan*. Penerbit UMK.
- Muhammad Wafi Ramli. (2020). Keadaan ekonomi komuniti Orang Asli Semoq Beri di Kampung Sungai Berua, Terengganu. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(6), 68–79.
- Salih bin Fawzan al-Fawzan bin Abdullah. (1988). *Al-At'amah wa Ahkam al-Sayd wa al-Zaba'ih*. Maktabah al-Ma'arif.